

Yang mulia Tuan Pengerusi Majlis ,Yang dihormati para hakim yang adil lagi bijaksana, guru – guru Besar ,guru – guru dan rakan sekalian

Pada hari yang berbahagia ini ,saya berasa sungguh bangga kerana diberi peluang untuk menyampaikan pidato yang bertajuk “ Semangat Cintakan Negara Membawa Malaysia ke Puncak Dunia”

Para hadirin yang dihormati,

Malaysia adalah sebuah Negara membangun dan menuju ke arah kemajuan selaras dengan wawasan 2020 memerlukan semangat patriotisme yang kukuh dan kental di kalangan rakyat.Kemajuan yang diperolehi ini adalah amat bermakna apabila segenap lapisan masyarakat mempunyai semangat cintakan Negara.

Sebagai warganegara Malaysia,kita amat berbangga apabila mampu dan berjaya mengharumkan nama Negara dipersada dunia.Malaysia akan dikenali diseluruh pelosok dunia.Melalui semangat cintakan Negara yang menggunakan kata hikmat Malaysia boleh,ramai rakyat Malaysia yang telah berjaya di dalam pelbagai bidang seperti dalam sukan badminton,boling dan lain – lain .Tidak juga kurang hebatnya rakyat Malaysia yang mencipta rekod dunia dengan Belayar secara solo ,menawan gunung everest dan menerokai antartika secara solo

Hadirin Sekalian

Apabila Malaysia berada dipuncak dunia dengan semangat cintakan Negara yang ditonjolkan oleh rakyatnya maka ia memberi pulangan yang lumayan kepada semua warganegara Malaysia terutamanya ekonomi.Ekonomi Negara akan semakin mantap dengan kehadiran pelancong untuk melihat kemashuran Malaysia.para pelabur juga berlumba – lumba menjana ekonomi Negara kerana mereka percaya Malaysia adalah Negara yang aman dan makmur serta stabil di mana semua rakyatnya yang berbilang bangsa mencintai Negara Malaysia.

Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membawa Malaysia ke puncak dunia dengan sentiasa menyemai rasa cintakan Negara dengan tidak melibatkan diri dalam pelbagai gejala social seperti vandalisme,merompak,penyalahgunaan dadah dan lain – lain.Kita perlu menjadi warganegara yang terus menyokong pembangunan Negara yang telah direncanakan oleh kerajaan Malaysia

Kita mestilah berasa bangga dengan kejayaan yang telah dikecapi oleh rakyat Malaysia dan pastinya generasi seterusnya akan meneruskan kesinambungan pembangunan yang telah dicipta berasaskan semangat cintakan Negara hingga Malaysia berada di puncak dunia.

This document was created with Win2PDF available at <http://www.win2pdf.com>.  
The unregistered version of Win2PDF is for evaluation or non-commercial use only.  
This page will not be added after purchasing Win2PDF.